

# RALEIGH INTERNATIONAL (SINGAPORE)



**Menjalin kerjasama:** Walaupun sukar mengawal rakit buatan sendiri, para peserta sesi pilihan *Raleigh International* terus memupuk semangat kerjasama. *Gambar Sisi-pan:* Cik Nor Hidayah Mohd Amin. — Gambar oleh MAZLAN BADRON.

## Tabah hadapi ujian awal

Oleh **Haryani Ismail**

LUKA dan calar pada lengan dan kaki tetap membawa pengalaman manis bagi Cik Nor Hidayah Mohd Amin.

Sejak kelmarin, pelajar berusia 23 tahun itu terpaksa bermandikan peluh dan lumpur, demi merentasi hutan dan paya di Kem Pengakap Sarimbun.

Namun, beliau puas hati kerana dapat mencuba kegiatan 'lasak' yang diminatinya

sejak zaman persekolahan.

Cik Nor Hidayah, yang sedang mengikuti kursus sambilan jurusan undang-undang, adalah antara 24 belia yang mengikuti sesi tiga hari — Pemilihan Hujung Minggu, perkumpulan Raleigh International (Singapore).

Perkumpulan yang dulunya dikenali sebagai Operasi Raleigh mula ditubuhkan dalam 1984 sebagai saluran untuk belia 'lasak' mengembara dan menyertai projek

kemasyarakatan di luar negara.

Antara peserta-peserta program Raleigh International yang terdahulu termasuk empat beradik — Encik Farid Abdul Hamid, Cik Zabrina, Cik Shirin dan Leftenan Mohamad Zakir.

Untuk melayakkan diri bagi ekspedisi ke Amerika Selatan ataupun Afrika, para belia itu perlu ditemuduga dan diuji berdasarkan ciri-ciri kepimpinan, kerjasama dan kekuatan fizikal mahupun mental.